

11/12/1999

Sidang Parlimen 20 Disember

PUTRAJAYA, Jumaat - Persidangan Parlimen Penggal ke-10 akan bermula 20 Disember ini, dengan pembentangan semula Belanjawan 2000.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin pada 29 Oktober lalu, akan dibentang semula untuk kelulusan segera.

"Kita akan memperkenalkan belanjawan yang sama. Kita kena lakukan segera, jika tidak kita tidak boleh mengeluarkan perbelanjaan tahun depan," katanya selepas mengumumkan Kabinet barunya petang ini.

Perdana Menteri juga berkata, Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan pelantikan Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Tan Sri Musa Mohamad, sebagai ahli Dewan Negara, sebelum dilantik sebagai menteri.

Dr Abdul Hamid dilantik semula sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, manakala Musa bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia pula dilantik sebagai Menteri Pendidikan.

Beliau berkata, tarikh penguatkuasaan pelantikan semua menteri dan timbalan menteri akan dibuat selepas mereka menerima surat cara pelantikan, mengangkat sumpah jawatan, taat setia dan sumpah menyimpan rahsia daripada Yang di-Pertuan Agong pada 14 Disember ini.

"Dr Abdul Hamid dan Musa dijadual mengangkat sumpah jawatan sebagai ahli Dewan Negara pada Isnin, 13 Disember 1999, sebelum mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong bersama menteri-menteri yang lain pada 14 Disember.

"Semua Setiausaha Parlimen akan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Perdana Menteri pada 15 Disember," katanya.

(END)